

# REXOM<sup>TM</sup> MIST. MAGNESIUM TRISILICATE

Magnesium Trisilicate/Light Magnesium Carbonate/Sodium Bicarbonate (250mg/250mg/250mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate
2. Bagaimana REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate
4. Cara mengambil REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate
5. Semasa menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate

Untuk melegakan kesakitan perut akibat asid berlebihan (pedih ulu hati, ketidakhadaman asid, dan perut tidak selesa); asid berlebihan yang dikaitkan dengan ulser gastrik dan usus dan merawat keradangan esofagus yang disebabkan oleh pengaliran terbalik kandungan gastrik.

## Bagaimana REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate berfungsi

Ubat ini mengandungi antasid untuk mengurangkan asid perut berlebihan.

## Sebelum menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate

### -Bila tidak boleh menggunakan

- Tidak boleh diambil dengan Tetracycline kerana ia boleh mengganggu penyerapannya.
- Jangan mengambil REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate jika alah kepada bahan kandungan di dalamnya.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

#### Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa

preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Ia mungkin terjejas oleh REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

- Ia mungkin mengganggu penyerapan tetracycline (antibiotik).

## Cara mengambil REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

10 ml secara oral, selepas atau di antara waktu makan dan waktu tidur.

### -Bila perlu diambil

Untuk diambil 4 kali sehari. Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu

dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate secara berlebihan mungkin menyebabkan:

- *Hypermagnesemia* (tahap magnesium yang tinggi dalam darah).
- *Hypernatremia* (Peningkatan kepekatan natrium dalam serum).
- Tahap natrium dan air yang tinggi.

## Semasa menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate terhadap anda.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut

# REXOM<sup>TM</sup> MIST. MAGNESIUM TRISILICATE

Magnesium Trisilicate/Light Magnesium Carbonate/Sodium Bicarbonate (250mg/250mg/250mg per 5ml)

---

atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Cirit-birit
- Kerengsaan mukosa
- *Hypermagnesemia* (tahap magnesium yang tinggi dalam darah) jika fungsi buah pinggang terjejas.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sup>TM</sup> Mist. Magnesium Trisilicate

### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan di antara 15 - 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Ampaian putih berperisa pudina.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi

250mg Magnesium trisilicate, 250mg Light magnesium carbonate dan 250mg Sodium bicarbonate,

- Bahan-bahan tidak aktif

Chloroform, Peppermint oil, Saccharin sodium, Sodium propyl paraben, Cetylpyridinium chloride, Sodium methyl paraben, Xanthan gum dan Purified water.

### -Nombor MAL

MAL19962486X

## Pengilang dan Pemegang

### Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, 11900 Penang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RIMUP

30/10/2017

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)301017/00296